

Kata Kunci:
Anak
Tanggungjawab / amanah
Didik / Bimbing
Akhlik



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

3 Oktober 2025 / 11 Rabiulakhir 1447H

Anak: Anugerah, Amanah dan Ujian

أَخْمَدَ اللَّهُ أَلَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِأَمْهَدِي وَدِينِ الْحِقْرِ لِيُظْهِرُهُ عَلَى الْدِينِ كُلِّهِ
وَكَفَى بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ
نَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تُؤْتُنَّ
إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Zumratal mukminin rahimakumullah,

Marilah tingkatkan ketakwaan kita kepada Allah s.w.t. dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Tunaikanlah **amanah** kita terhadap **anak-anak** dan keluarga dengan sebaiknya. Semoga Allah mengumpulkan kita semua dalam syurga-Nya. Amin, ya Rabbal 'Alamin.

Saudara yang dikasihi Allah,

Pernahkah kita ditanya oleh **anak** kecil – Mengapa kita tunaikan solat lima kali sehari? Kenapa bukan sekali sahaja? Atau, jika

orang lain berbuat jahat, mengapa kita tidak membalas dengan kejahatan juga?

Di sebalik soalan-soalan jujur yang terbit daripada jiwa murni seorang **anak**, terserlah keperluan dan peranan utama kita untuk **membimbang** mereka dengan iman, **akhlak** dan **tanggungjawab**. Inilah cabaran **mendidik anak-anak** – satu **tanggungjawab** yang berat, yang memerlukan ilmu pengetahuan serta kebijaksanaan.

Malah, Allah s.w.t. telah mengingatkan bahawa **anak-anak** adalah suatu ujian. Firman-Nya dalam Surah At-Taghabun ayat 15:

﴿١٥﴾ إِنَّمَا أَمْوَالُكُمْ وَأَوْلَادُكُمْ فِتْنَةٌ وَاللَّهُ عِنْدُهُ أَجْرٌ عَظِيمٌ

Yang bermaksud: “Sesungguhnya harta bendamu dan **anak-anakmu** hanyalah menjadi ujian (bagimu); dan di sisi Allah jualah pahala yang besar.”

Sidang hadirin yang dirahmati Allah,

Zuriat adalah satu nikmat yang datang bersamanya ujian bagi kedua ibu bapanya. Menerusi **anak-anak**, seseorang itu diuji sejauh mana dia dapat beristiqamah mentaati Allah.

Mentaati Allah pula tidak bermakna kita menepis **tanggungjawab** terhadap **anak-anak**. Sebaliknya, dengan menjadikan Allah sebagai paksi kehidupan dan hubungan

sesama kita, ia mendorong kita untuk melaksanakan yang terbaik dalam **mendidik** serta membentuk peribadi **anak-anak**.

Al-Imam Ibn Qayyim dalam kitabnya *Tuhfatul Maudud* menjelaskan bahawa ada di kalangan ibu bapa yang sebenarnya menzalimi **anak** mereka – dengan membiarkan **anak-anak** menurut keinginan sendiri, tanpa disiplin dan tanpa **bimbangan agama** – sedang mereka menyangka itu adalah kasih sayang yang sebenar. Hakikatnya, ia boleh menjadi satu kecuaian yang merosakkan masa depan si **anak** di dunia dan di akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Setelah kita menyedari bahawa **anak-anak** adalah antara **amanah** dan anugerah terbesar Allah s.w.t., apakah aspek yang perlu diutamakan dalam **mendidik anak-anak** kita? Mimbar ingin berkongsi tiga tunjang utama:

Pertama: Pendidikan Agama

Ia adalah asas yang membentuk jati diri seorang **anak**. Ibu bapa berperanan **membimbang anak** dan menghuraikan soalan mereka, contohnya, tentang penciptaan: siapakah Pencipta kita? Untuk apakah kita diciptakan? Apakah kesudahan kita selepas kematian? Sesungguhnya penjelasan yang baik boleh membentuk persepsi mereka terhadap kehidupan.

Ajaklah mereka mengenali sosok mulia Nabi Muhammad s.a.w. **Bimbanglah** mereka dalam membezakan antara perkara yang betul dan yang salah. Tanamkan juga penghayatan tentang solat, berdoa, berpuasa dan sebagainya. Jangan sekadar mengingatkan dan memesan, tetapi hidupkan sendiri contoh dan suasana Islam dalam rumah kita, seperti dengan memulakan setiap aktiviti dengan ucapan “Bismillah”.

Apabila kehidupan mereka semenjak kecil lagi disulami dengan roh dan pengamalan **agama**, ia dapat membentuk jati diri Muslim sejati, serta menjadi sebaik-baik bekalan dalam mengharungi liku-liku kehidupan.

Kedua: Pembangunan Akhlak dan Peribadi

Akhhlak yang mulia harus dipupuk dari kecil. Ajarkan **anak** tentang nilai-nilai seperti kejujuran, kerendahan hati dan kesabaran. **Didik** mereka mengawal amarah, mengutamakan budi pekerti dan memaafkan.

Dewasa ini, **anak-anak** berdepan dengan pelbagai tekanan yang mungkin datang daripada rakan sebaya (*peer pressure*), budaya persaingan dalam pembelajaran, serta pengaruh media sosial. Di sinilah terletak keutamaan pembangunan **akhlak** mulia. Ia menjadi petunjuk buat mereka agar pandai mengurus diri, mengatasi tekanan dalam apa juu keadaan dan situasi.

Ketiga: Tanggungjawab Sosial dan Adab Bermasyarakat

Semaikan sikap hormat-menghormati, bermula dengan ahli keluarga, jiran, guru dan rakan. Didiklah mereka agar tidak merendahkan dan menghina orang lain. Galakkan mereka berkongsi kelebihan – agar **anak-anak** ini sentiasa inginkan kebaikan buat orang lain sebagaimana mereka menginginkannya buat diri sendiri.

Pupuklah juga kesedaran terhadap kesusahan yang dialami orang lain, melalui usaha gotong-royong atau kemasyarakatan. Dengan ini, kita dapat membangkitkan sifat empati, sekaligus membentuk generasi masa depan yang menegakkan ihsan dan keadilan.

Sidang Jumaat yang dikasihi Allah,

Sebagai penutup, ingatlah, **anak** adalah anugerah dan **amanah** daripada Allah. **Anak** boleh menjadi penyebab kebahagiaan di dunia, dan insya-Allah, boleh memudahkan perjalanan kita menuju syurga. Oleh itu, marilah kita memandang mereka dengan pandangan rahmah dan ihsan, dan memberikan didikan **akhlik** mulia yang dipasak dengan iman. Semoga Allah s.w.t. terus memberikan kita petunjuk dalam **membimbing** generasi Muslim akan datang. Amin, ya Rabbal ‘Alamin.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغُفُورُ
الْوَحْيِمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمْرَ، وَأَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَا بَعْدُ، فَيَا عَبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى فِيمَا أَمْرَ، وَاتَّهُوا عَمَّا كَفَرُوكُمْ عَنْهُ وَزَجَرُ.

أَلَا صَلَوَا وَسِلَمُوا عَلَى النَّبِيِّ الْمُصْطَفَى، فَقَدْ أَمْرَنَا اللَّهُ بِذِلِكَ حَيْثُ قَالَ فِي كِتَابِهِ الْغَرِيزِ: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُوْا عَلَيْهِ وَسِلُّمُوا تَسْلِيْمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

وَأَرْضَ اللَّهَمَّ عَنِ الْخَلْفَاءِ الرُّشِيدِيْنَ الْمُهَدِّيْنَ سَادِاتِنَا أَيُّ بُكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيِّ، وَعَنْ بِقَيْةِ الصَّحَابَةِ وَالْقَرَابَةِ وَالْتَّابِعَيْنَ، وَتَابِعِي التَّابِعِيْنَ، وَعَنَّا مَعْهُمْ وَفِيهِمْ بَرْ حُمَّـتَكَ يَا لَرَحَمَ الرُّاحِمِيْنَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمَنَاتِ، وَالْمُسِلِمِيْنَ وَالْمُسِلَّمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ ادْفُعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْمَلَازِلَ وَالْمَحَنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، عَنْ بَلِدَنَا خَاصَّةً، وَسَائِرِ الْبَلْدَانِ عَامَّةً، يَا رَبَّ الْعَالَمِيْنَ. اللَّهُمَّ انْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْتَضْعِفِيْنَ فِي عَرَّةٍ وَفِي فِلَسِطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ عَامَّةً، يَا لَرَحَمَ الرُّاحِمِيْنَ. اللَّهُمَّ بَدِلْ خَوْفَهُمْ أَمْنًا، وَخُزْنَهُمْ فَرَحًا، وَهَمْهُمْ فَرَجَّا، يَا رَبَّ الْعَالَمِيْنَ. اللَّهُمَّ اكْتُبْ السَّلَامَ وَالسَّلَامَ وَالْأَمَانَ وَالْأَمَانَ

لِلْعَالَمِ كُلِّهِ وَلِلنَّاسِ أَجْمَعِينَ . رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً، وَ فِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً،
وَ قَنَا عَذَابَ النَّارِ .

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعُدْلِ وَالإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى، وَ يَنْهَا عَنِ
الْفُحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يَعْظُمُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ، فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرُكُمْ، وَ اشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ، وَ اسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَ لَا يَدْكُر
اللَّهُ أَكْبَرُ، وَ اللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ .